



TEKS UCAPAN ALUAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

MAJLIS PERASMIAN IMMERSIVE WINTERLAND@iCity

29 November 2023

11.00AM – 12.30PM

Kemaskini 28 Nov 2023 1.00 am

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala Puji Bagi Allah SWT, kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul pada pagi ini sempena perasmian pusat hibur-didik atau edutainment terbaru i-City iaitu **Immersive Winterland**.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak i-City di atas pelancaran tarikan terbaru ini, yang menggunakan teknologi imersif dan *virtual reality*. Tarikan ini sesuai untuk seisi keluarga dengan penggunaan teknologi terkini dan menarik.

(B) INISIATIF KPWKM MEMPERKUKUHKAN INSTITUSI KELUARGA

Puan-puan dan Tuan-tuan,

3. Institusi keluarga merupakan tulang belakang kepada kejayaan sesebuah negara. Bagi seorang kanak-kanak, keluarga merupakan jalinan ikatan pertama yang menyokong mereka untuk menjadi modal insan terbaik kepada negara.

4. Namun kita tahu, dengan pembangunan sosial dan ekonomi, pelbagai cabaran perlu dihadapi oleh keluarga, termasuk perkembangan teknologi yang memudahkan akses anak-anak kepada internet dan laman sosial. Oleh itu, Ibubapa perlu cakna dan sedar bahawa dengan perkembangan teknologi pada masa kini, **pendekatan mendidik anak mestilah seiring dengan zamannya.**

5. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai program pendidikan keibubapaan bertujuan untuk memperkukuhkan institusi keluarga dan memperkasakan ibu bapa dalam mendepani cabaran masa kini. Salah satunya adalah Program KASIH Keibubapaan Digital yang menyediakan ibu bapa dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengurus cabaran anak-anak generasi digital masa kini. Program ini yang dibangun berasaskan kesedaran dan kepekaan terhadap

cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa mengutamakan penerapan nilai dan etika di alam siber agar ibu bapa cakna dalam memastikan anak-anak sentiasa terjaga terutamanya dalam dunia digital.

6. Selain itu, Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap keperluan pengawalan dan pemantauan pendedahan internet kepada anak-anak juga dilaksanakan. Anak-anak dan juga ibubapa perlu

memahami perbezaan kandungan yang baik atau buruk yang dipaparkan di alam siber supaya tidak terjebak dengan perkara-perkara negatif hasil dari penggunaan dan pendedahan kepada media siber.

(C) KEPENTINGAN PENGEMBANGAN KANAK-KANAK

Puan-puan dan Tuan-tuan,

7. Sebagai sebuah negara yang meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak sejak 1995, kita mengiktiraf dan mempertahankan empat (4) Hak Kanak-Kanak iaitu aspek kelangsungan hidup (*survival*), perkembangan (*development*), perlindungan (*protection*) dan penyertaan (*participation*) bagi memastikan potensi kanak-kanak terus menyerlah sebagai pewaris negara.

8. **Perkembangan** merupakan antara aspek utama yang akan membina jati diri serta keyakinan diri seseorang anak. Perkembangan dari segi mental dan terutamanya emosi

berlaku apabila ibubapa memberikan perhatian dan meluangkan masa bersama anak-anak. Bagaimana acuan, begitulah kuirnya. Oleh itu anak-anak ini perlu dibentuk dengan acuan yang betul untuk memastikan nilai dan budaya tetap terpelihara serta jurang generasi dapat dirapatkan. Dalam mendidik, kanak-kanak tidak harus dinafikan hak untuk melakukan aktiviti seperti bermain. Malah melalui aktiviti bermain bersama-sama juga dapat mengukuhkan perpaduan, kasih sayang, dan kerjasama dalam sesebuah keluarga.

9. Oleh itu, sempena dengan cuti sekolah yang akan bermula tidak lama lagi, saya sarankan kepada ibubapa untuk meluangkan masa berkualiti bersama anak-anak kita.

10. Saya dengan berbesar hati mengucapkan terima kasih atas sumbangan berjumlah RM8.4 juta yang diperuntukkan sebagai diskaun bagi aktiviti keluarga semasa cuti sekolah hasil daripada kerjasama pihak KPWKM dengan i-City sempena program ESG mereka, One Shah Alam, One Destination. Dengan sumbangan mereka ini rakyat Malaysia

boleh menikmati diskaun harga rendah bagi pakej-pakej aktiviti yang ditawarkan.

11. Ini merupakan salah satu kerjasama awam-swasta yang amat bermakna dalam memupuk semangat kekeluargaan. Diskaun harga rendah ini terbuka kepada 100,000 keluarga di seluruh Malaysia dan boleh didapati di laman sesawang web i-City mulai 1 Disember 2023 sehingga 31 Mac 2024. Melalui diskaun harga rendah ini, empat sekeluarga boleh mendapatkan pakej-pakej riadah di i-City dengan harga diskaun serendah RM120.

12. Tuan-tuan dan puan-puan, diskaun harga rendah ini bukan sekadar memberi kelegaan kewangan kepada keluarga di musim-musim cuti ini malah diharapkan ia menjadi antara cara untuk memperkukuhkan nilai-nilai keluarga dalam masyarakat kita dengan peluang menyertai aktiviti-aktiviti yang ditawarkan bersama keluarga.

13. Dengan bantuan diskaun harga rendah ini, diharapkan ahli-ahli keluarga dapat meluangkan masa yang bermakna

dan berkualiti dalam persekitaran selamat, termasuklah di Immersive Winterland.

PENUTUP

14. Akhir kata, sekali lagi, tahniah kepada i-City atas pencapaian yang luar biasa ini. Saya berharap Immersive Winterland dan diskaun harga rendah cuti sekolah ini akan

menjadi penyumbang kepada pembangunan keluarga yang lebih erat dan masyarakat yang harmoni.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
29 November 2023